

06 JUN 1996

Sabah-Pindaan (Laporan Khas)

SABAH TUNJUK JALAN KE ARAH JADI KERAJAAN YANG LEBIH TELUS

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Datuk Salleh Said Keruak, yang meletakkan jawatan sebagai Ketua Menteri Sabah 10 hari lepas, mengakui bahawa beliau tidak pernah selesa dengan jawatan itu yang dikatakan terlalu berkuasa.

Beliau pernah memberitahu rakan-rakannya bahawa beliau selalu memperingatkan diri supaya tidak menyalahgunakan kuasa yang diberikan itu.

"Jawatan ini boleh disalahgunakan kerana ia terlalu berkuasa. Kita tidak tahu sehingga kita berada di sini," katanya kepada penulis tahun lepas.

Salleh percaya mengurangkan kuasa itu akan menjadi cara yang paling berkesan bagi beliau menunaikan janji kepada Perdana Menteri untuk menubuhkan sebuah kerajaan "tulen dan telus" di Sabah, yang telah mengalami kelembapan ekonomi untuk sekian lama disebabkan keadaan politik yang tidak stabil.

Sebelum Barisan Nasional (BN) mengambil alih dari kerajaan Parti Bersatu Sabah yang tumbang sejurus selepas pilihan raya negeri 1994, ia menjadi lumrah bagi penyokong-penyokong parti menjadi taksud dengan pemimpin-pemimpin mereka dan dengan ketua-ketua menteri.

Cara berpolitik di Sabah seperti ini menimbulkan apa yang dikatakan sebagai politik penaungan, atau kepada masyarakat biasa politik balak, hasil daripada kuasa mutlak Ketua Menteri memperuntukkan konsesi balak kepada sesiapa yang beliau suka.

Dengan lain kata, Ketua Menteri boleh menjadikan seseorang itu jutawan hanya dengan sekelip mata.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengemukakan contoh itu semasa beliau mengumumkan akhir tahun lepas bahawa pindaan akan dibuat kepada perlembagaan negeri untuk mengurangkan kuasa-kuasa Ketua Menteri dalam perkara-perkara berkaitan perhutanan, tanah dan perlombongan kepada Kabinet negeri.

Memandangkan Salleh sendiri mempunyai pendapat yang tegas supaya kuasa-kuasa itu disekat, kita boleh mengandaikan bahawa beliau yang mencadangkan supaya pindaan itu dibuat.

Lagi pula Perdana Menteri sendiri telah menyatakan bahawa tidak ada rancangan lagi untuk mengurangkan kuasa-kuasa ketua eksekutif di negeri-negeri lain, yang menurut sesetengah peguam yang arif dengan perlembagaan tanahair, tidak berbeza dengan Sabah dalam ketiga-tiga perkara itu.

Pengganti Salleh, Datuk Yong Teck Lee, yang mengambil alih melalui sistem penggiliran jawatan itu, tidak melengah-lengahkan masa untuk meneruskan usaha ke arah mewujudkan sebuah kerajaan negeri yang telus dan baik di Sabah.

Dr Mahathir, dalam lawatan-lawatannya ke Sabah sejak BN mengambil alih tampuk pemerintahan, telah menyatakan pentingnya kepimpinan negeri tidak kembali kepada "hari-hari gelap" di mana nepotisme, perkoncoan dan politik balak berleluasa.

Yong berkata semalam bahawa adalah perlu kuasa-kuasa Ketua Menteri dikurangkan untuk mewujudkan satu pemerintahan yang baik, dan juga seperti Salleh, bersetuju bahawa kuasa-kuasa itu sekarang terlalu berlebihan.

Pindaan itu, yang dijangka diluluskan oleh Dewan Negeri dalam persidangan dua harinya mulai 17 Jun ini, bermakna Ketua Menteri tidak lagi boleh mengurniakan konsesi balak atau lesen untuk industri-industri lain

yang berkaitan.

Hanya Kabinet negeri sahaja boleh berbuat demikian.

Ketua Menteri, yang sekarang merupakan satu-satunya yang berkuasa mengarahkan pertukaran status tanah negeri, juga akan memindahkan kuasa ini kepada Kabinet negeri.

Beliau juga perlu mendapatkan kelulusan Kabinet sebelum membenarkan pertukaran tanah untuk perlombongan. Sekarang beliau tidak perlu berbuat demikian.

Kuasa mutlak Ketua Menteri terhadap Yayasan Sabah juga akan dihapuskan.

Dengan pindaan-pindaan ini, Sabah menunjukkan jalan ke arah menjadi sebuah kerajaan yang lebih telus, benar dan berketanggungjawapan, hasil usaha Salleh sendiri dan diikuti oleh Yong.

Untuk mengelak kebimbangan orang ramai bahawa pindaan itu akan menghapuskan hak-hak negeri, Yong membuat keputusan untuk mengumumkannya kepada orang ramai sebelum membentangkannya di dewan negeri. Langkah ini tidak pernah dilakukan sebelum ini.

Akhbar-akhbar Sabah telah mula menyiarkan aspek-aspek penting pindaan itu di dalam bahasa yang mudah difahami dan ini diikuti oleh RTM dalam beberapa hari lagi menerusi program-program wawancara dan program lain.

Taklimat-taklimat juga akan dibuat kepada ahli-ahli politik, pemimpin masyarakat dan pegawai kerajaan pada hujung minggu ini.

Sebagaimana kata Yong: "Selepas kami membuat penjelasan dan rakyat memahami pindaan itu, mereka akan sedar bahawa kebimbangan mereka itu tidak berasas. Dalam jangka panjang pindaan ini akan memberi faedah kepada rakyat Sabah sendiri."

-- BERNAMA

AU WAT AKD